

CANDIDA AURIS

Sejenis kulat yang boleh bawa maut, sehingga ubat tidak berkesan kepadanya, sedang menjangkiti pesakit di hospital dan rumah penjagaan serata dunia. Kulat ini dipercayai sudah muncul di beberapa lokasi pada masa yang sama, bukan daripada satu sumber.

AMERIKA SYARIKAT

Negara ini sudah mengalami sekurang-kurangnya 587 jangkitan Candida auris sejak 2013. Kebanyakan berlaku dalam kalangan pesakit rumah penjagaan di New York, Chicago dan New Jersey.

EROPAH

Wabak besar pertama di Eropah melibatkan 72 kes di hospital London pada 2015-16.

CHINA

Satu kajian ke atas hospital Shenyang mendapati bahawa 15 sampel salah dikenal pasti sebagai jenis kulat yang berbeza. Candida auris sukar dikenal pasti dan mungkin tidak dilapor di negara lain.

JEPUN DAN KOREA SELATAN

Pertama kali doktor temui Candida auris pada 2009 adalah di dalam telinga wanita Jepun berumur 70 tahun. Sejurus kemudian, kulat itu dilaporkan di dalam sampel daripada lima hospital Korea Selatan. Sampel yang dijumpai pada 1996 di negara itu adalah yang paling tua serata dunia.



SINGAPURA
Sekurang-kurangnya tiga kes jangkitan Candida auris dilapor antara 2012 dengan 2017 di Singapura. Pesakit telah dipindah ke sini dari India dan Bangladesh bagi rawatan. Seorang daripada mereka pulih dan kemudiannya dibenarkan keluar dari hospital, dan yang lagi satu pulang ke Bangladesh setelah rawatan sekitar 10 hari dan yang terakhir meninggal dunia setelah mengalami komplikasi.

AMERIKA TENGAH DAN SELATAN

Wabak pertama yang diketahui di Amerika pada 2012-13 adalah di pusat perubatan yang terletak di Maracaibo, Venezuela. Lima daripada 18 pesakit yang dijangkiti meninggal dunia. Pada 2016, wabak di Bandar Panama dan Colombia menyebabkan sekurang-kurangnya 26 jangkitan dan 12 kematian.

AFRIKA SELATAN

Candida auris di Afrika Selatan menjangkiti sekurang-kurangnya 451 pesakit dari 2012-16.

INDIA DAN PAKISTAN

Kedua negara ini antara yang mempunyai jumlah jangkitan tertinggi di dunia.

AUSTRALIA

Candida auris telah sampai ke Australia sekurang-kurangnya dua kali: dalam diri lelaki Kenya yang mengunjungi Perth pada 2015, dan tahun lalu dalam pesakit Melbourne yang besar kemungkinannya mendapatnya di hospital Britain.

KENAPA CANDIDA AURIS SUATU MASALAH?



Menyebabkan jangkitan serius

Ia boleh menyebabkan jangkitan dalam darah dan juga membawa maut, khususnya di pesakit hospital dan rumah penjagaan dengan masalah perubatan serius. Lebih daripada satu dalam tiga pesakit yang mempunyai jangkitan invasif Candida auris (seperti contoh, jangkitan yang menjejaskan darah, jantung atau otak) meninggal dunia.



Ubat selalunya tidak berkesan

Ubat antikulat selalunya digunakan untuk merawat jangkitan Candida.



Sedang menjadi satu kebiasaan

Ia ditemui pada 2009 dan telah tersebar cepat dan menyebabkan jangkitan di lebih daripada 12 negara.



Sukar dikenal pasti

Ia boleh salah dikenal pasti sebagai jenis kulat yang lain melainkan teknologi makmal khusus digunakan. Ini dapat menyebabkan pesakit untuk mendapat rawatan yang salah.



Boleh berjangkit di hospital dan rumah penjagaan

Ia telah menyebabkan wabak tercetis di kemudahan penjagaan kesihatan dan boleh berjangkit melalui sentuhan dengan pesakit yang sudah dijangkiti serta barang yang sudah tercemar.

BAGAIMANA ANDA TAHU JIKA ANDA MEMPUNYAI JANGKITAN CANDIDA AURIS?



• Candida auris masih jarang berlaku di Amerika Syarikat. Mereka yang mendapat jangkitan invasif Candida selalunya sudah mengalami keadaan perubatan yang lain, oleh itu sukar untuk mengetahui jika seseorang itu mempunyai jangkitan Candida auris.

- Simptom biasa jangkitan invasif Candida adalah demam dan kesejukan yang tidak baik-baik setelah rawatan antibiotik sudah diberikan bagi jangkitan bakteria yang disyaki.
- Cuma ujian makmal yang boleh mendiagnos jangkitan Candida auris.
- Berbual dengan pengamal penjagaan kesihatan jika anda suspek mempunyai jangkitan kulat atau berkaitan penjagaan kesihatan.

HENTIKAN JANGKITAN

Ahli keluarga dan mereka yang rapat dengan pesakit Candida auris



• Bersihkan tangan anda menggunakan sabun dan air sebelum dan setelah bersentuhan dengan pesakit Candida auris atau alat dalam biliknya. Ingatkan pekerja penjagaan kesihatan untuk bersihkan tangan mereka.

Kakitangan makmal, pekerja penjagaan kesihatan, dan pegawai kesihatan awam

- Ketahui bagaimana untuk kenal pasti Candida auris secara betul. Laporkan kes secepat mungkin kepada jabatan kesihatan awam.
- Bagi pekerja penjagaan kesihatan, bersihkan tangan dengan betul dan ambil langkah berjaga-jaga seperti memakai gaun dan sarung tangan. Bersihkan bilik pesakit dengan disinfektan yang berfungsi untuk melawan Candida auris